

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]
TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

Y.B. TUAN WONG LING BIU [SARIKEI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah wang yang akan diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-12 yang akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, persiapan bagi menghadapi PRN Sarawak Ke-12 yang dijangka diadakan pada tahun 2021 akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa iaitu Fasa Pertama pada tahun 2019, Fasa Kedua pada tahun 2020 dan Fasa Ketiga pada tahun 2021.

Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah RM1.30 juta pada tahun 2019 kepada SPR untuk persiapan Fasa Pertama tahun 2019 bagi melaksanakan Program Perintis High Impact Smart Training Ketua Tempat Mengundi (HIST-KTM) di Sarawak.

Keperluan peruntukan bagi persiapan Fasa Kedua tahun 2020 telah pun diambil kira dalam penyediaan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2020 yang akan diumumkan di Parlimen pada 11 Oktober 2019 kelak. Manakala baki bagi persiapan untuk Fasa Ketiga tahun 2021 akan disediakan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021.